

Kerja baik pulih kabel Jambatan Pulau Pinang dijangka siap seminggu awal



Kabel di bawah Jambatan Pulau Pinang yang terbakar dalam kejadian pada Isnin dua minggu lalu.

GEORGETOWN - Kerja membaik pulih kabel elektrik yang terbakar di bawah Jambatan Pulau Pinang dijangka siap seminggu lebih awal berbanding 118 hari sebelum ini.

Ketua Pegawai Grid Tenaga Nasional Berhad (TNB), Datuk Husaini Husin berkata, tempoh itu dipendekkan kerana kerja menanggalkan struktur sokongan kabel serta kabel yang rosak disiapkan dalam tempoh empat hari sahaja dan selesai pada Ahad.

Menurutnya, susulan itu, ia membolehkan pihak PLUS Malaysia Berhad (PLUS) menyergerakan sia-

satian terhadap keadaan struktur dan kerja-kerja baik pulih jambatan yang dijangkakan mengambil masa dua bulan mulai Isnin.

“Berdasarkan jadual terkini, tempoh kerja pembaikan oleh TNB dan PLUS adalah 112 hari sahaja. Kerja-kerja baik pulih kabel 132 kilo volt (kV) yang terbakar di Kilometer 3.2 Jambatan Pulau Pinang merangkumi penggantian tiga litar kabel yang musnah terbakar dengan kabel baru sepanjang kira-kira 100 meter,” katanya pada Ahad.

Mengulas mengenai punca kebakaran, Husaini berkata, merujuk

kepada laporan Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) Malaysia Pulau Pinang, kejadian berlaku apabila arka elektrik (electrical arc) pada kabel di KM3.2 dan terkena kayu pelantar menyebabkan pemanasan setempat.

“Akibat daripada itu, ia menyebabkan berlakunya kebakaran. Merujuk kepada laporan JBPM, punca kejadian kebakaran bukan secara semula jadi atau khianat.

“Bagaimanapun, siasatan sedang dijalankan bagi mengesahkan faktor yang menyebabkan pancaran pada arka tersebut,” katanya.